

# AMANAT NAIB CANSOLOR 2018



**Industry 4.0**

**Majlis  
AMANAT NAIB  
CANSOLOR 2018**

*"Bersama-sama Kita Memacu Kecemerlangan UMS"*

**21 Mac 2018 (Rabu) | 8.00 Pagi | Dewan Cansolor**

#officialums #amanatvc2018    @UMS.official    UMS.Official    @umsofficial  
@UMS\_Ecocampus    www.ums.edu.my

**SOARING UPWARDS**    **Eco Campus**    Transformasi Ke Arah **UNIVERSITI INDUSTRI 4.0**  
Majukan Kita Berprestasi Bersama

**"DYNAMIC ■ SUSTAINABLE ■ INTEGRITY ■ JUSTICE ■ HAPPINESS INDEX"**

**PPSKK** PUSAT PENYUSUNAN STRATEGIK & KOMUNIKASI KORPORAT

The poster features a background of a word cloud with terms like 'dynamic', 'integrity', 'justice', 'happiness index', and 'Industry 4.0'. At the top right is the UMS logo and name. At the bottom right is a graphic of interconnected blue hexagons containing various icons representing technology and industry.

**TEKS UCAPAN  
YBHG. PROFESOR DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANCELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS AMANAT NAIB CANCELOR 2018**

**21 MAC 2017 (RABU) | 8.00 PAGI  
DEWAN CANCELOR**

---

*“BERSAMA-SAMA KITA MEMACU KECEMERLANGAN UMS”*

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**SALUTASI**

Yang saya hormati

*Ahli Lembaga Pengarah Universiti*

*Pegawai-pegawai Utama dan Kanan*

*Ahli-ahli Senat*

*Dekan-dekan Fakulti*

*Pengarah-pengarah Institut dan Pusat*

*Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit*

*Para pensyarah*

*Para barisan Staf Pentadbiran*

*Majlis Perwakilan Pelajar*

*Para pelajar yang dikasihi*

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1UMS dan Selamat Pagi.

## **KATA PEMBUKA**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bersempena Majlis Amanat Naib Canselor 2018. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga UMS (termasuk di UMSKAL, FPL dan UMS-Sikuati – yang mana turut mengikuti majlis ini secara *live*) atas kehadiran sekalian ke majlis ini. Penghargaan saya juga kepada semua pihak yang bertungkus lumus bagi memastikan majlis pada pagi ini berjalan lancar dan sempurna.

## **PENGENALAN**

Warga UMS dan hadirin yang dihormati dan dikasihi,

1. Pada tahun ini, Universiti Malaysia Sabah akan menyambut ulang tahun Ke-24. Bermakna UMS sudah tergolong sebagai “*mature university*” dan sudah tentu jangkaan (*expectations*) dan harapan (*hope*) pihak pemegang taruh (*stakeholders*) terhadap UMS adalah semakin tinggi. UMS hendaklah “Soaring Upwards” .....
2. Sejak tahun 1994, UMS telah melalui beberapa fasa pembangunan, dan dalam masa yang sama mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan ke arah merealisasikan Visi dan Misi Universiti. Saya harap, semua kita sebagai warga UMS arif mengenai Visi dan Misi UMS yang mana antara kata kunci utamanya ialah “Inovatif”, “Cemerlang” dan “Bertaraf Dunia”.

3. Ketika ini, UMS mempunyai enrolmen pelajar sekitar 17,400 di 10 buah Fakulti, yang mana sekitar 4 % ialah pelajar antarabangsa dari 28 buah negara. Jumlah staf pula ialah sekitar 3,000 orang. 1,079 daripadanya ialah staf akademik. Sehingga kini, UMS mempunyai sekitar 66,500 alumni dan bilangan ini akan mencecah 70,000 pada Majlis Konvokesyen ke-20 pada bulan November yang akan datang ini.
4. Pembangunan dan kejayaan UMS sehingga kini adalah atas usaha dan komitmen semua warga UMS menerusi kepimpinan (*leadership*) yang telah diberikan oleh empat Naib Canselor terdahulu. Kita ucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua dan juga kepada mantan-mantan Naib Canselor iaitu YBhg. Tan Sri Dr. Abu Hassan Othman, YBhg. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, YBhg. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman bin Ampon, dan YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.
5. Ucapan terima kasih juga kepada YBhg. Tan Sri Abdul Hamid Egoh, mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS (LPU) dan YABhg. Tun Zaki Bin Tun Azmi, Pengerusi LPU sekarang. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan Negeri Sabah dan kerajaan Persekutuan (termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi) atas sokongan dan bantuan yang diberikan kepada UMS selama ini.

6. Pada tahun baharu ini, UMS perlu terus berusaha untuk mempertingkatkan prestasi dalam pelbagai perkara. Sudah tentu kita akan mengharungi cabaran-cabaran baharu, lebih-lebih lagi sekarang ini kita berdepan dengan era Revolusi Industri Ke-4 (*Fourth Industrial Revolution*).

## **REFLEKSI 2017**

Warga UMS dan hadirin yang dihormati dan dikasihi,

7. Sebelum saya memperincikan perkara-perkara yang UMS perlu beri tumpuan pada tahun ini dan beberapa tahun akan datang, marilah kita sama-sama mengimbau kembali beberapa pencapaian UMS sepanjang tahun 2017.

### Penarafan/Pengiktirafan/Pensijilan

- UMS berada pada kedudukan #37 - UI GreenMetric World University Rankings 2017 (berbanding #244 tahun 2014)
- UMS berada pada kedudukan #222 - Asian University Rankings 2017 (berbanding #301 tahun 2013)
- 4 bidang/subjek UMS tersenarai dalam QS World University Rankings by Subject 2017 (termasuk Top 200 dalam bidang Agriculture & Forestry)
- 4 STAR – Malaysia Rating for University and University College Excellence 2017 (SETARA 2017)
- 3 STAR – Malaysia Research Assessment 2016 (MyRA 2016)
- Pengiktirafan CEMERLANG – Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2017-2019

- Akreditasi MS ISO / IEC 17025 – Makmal Analisis Air
- Pengiktirafan CREAM 2017 – Jurnal Asean Myrmecology

### Reka cipta/Inovasi

- Pencapaian cemerlang di Seoul International Invention Fair (SIIF) 2017, PECIPTA 2017 dan ITEX 2017.

### Pencapaian Pelajar

- Pasukan UMS juara Kejohanan Enactus Kebangsaan 2017
- Pasukan UMS wakil Malaysia ke Kejohanan Enactus World Cup 2017 di London (3<sup>rd</sup> placing in League #1)

### Sukan

- Pelajar UMS mewakili Malaysia dalam Sukan SEA 2017 dalam beberapa acara
- Pelajar UMS unggul dalam Kejohanan Sukan IPT Sabah 2017

### Libat Sama Komuniti

- UMS telah melaksanakan pelbagai program atau projek bersama komuniti luar bandar dengan objektif asas untuk membantu meningkatkan kualiti hidup (*quality of life*). Ini termasuklah Program B40, Projek Mulberi, Projek Tantadan dan Program Rumah Komuniti.
- Sebagai contoh, Program B40 memberi peluang kepada pelajar kurang berkemampuan dari luar bandar untuk melanjutkan pengajian di UMS. Setakat ini seramai 544 pelajar terlibat dan 151 telahpun bergraduat dengan ijazah pertama. Satu perkara yang membanggakan ialah seorang

dari mereka, iaitu Saudara Kelly Jauding yang berasal dari Kg. Dalamson, Kota Marudu, adalah penerima Ijazah Kelas Pertama (Geografi) semasa Majlis Konvokesyen ke-19 UMS tahun lalu. Kini beliau melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah sarjana di UMS.

8. Berdasarkan contoh-contoh yang disebut tadi, jelas bahawa kejayaan dan kecemerlangan UMS adalah sumbangan dan komitmen semua pihak, baik pelajar mahupun staf dan baik secara individu mahupun berpasukan. Tahniah kepada semua.

Jelas bahawa kekuatan warga UMS ialah kita BERSAMA dalam memacu kecemerlangan UMS. Adalah diharapkan kejayaan dan kecemerlangan ini dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi pada tahun ini dan tahun-tahun berikutnya.

## **HALA TUJU DAN CABARAN 2018**

Warga UMS dan hadirin yang dihormati dan dikasihi,

9. Untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun yang akan datang, hala tuju UMS amnya akan berpandukan kepada Pelan Strategik UMS 2018-2020. Pelan Strategik baharu ini mempunyai 9 bidang tumpuan [Key Result Areas (KRA)], yang mana 2 daripadanya adalah berbeza berbanding Pelan Strategik terdahulu. Dua KRA baharu ini ialah (a) Mempertingkatkan pengalaman holistik pelajar, dan (b) Transformasi ke arah universiti /industri 4.0.

10. UMS perlu juga melaksanakan 10 lonjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 [PPPM(PT)]. Kesemua KRA dalam Pelan Strategik UMS 2018-2020 adalah berkait rapat (*closely aligned*) dengan 10 lonjakan PPPM(PT) ini.
11. UMS dalam masa yang sama juga terlibat dengan dasar dan inisiatif baharu yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi. Ini termasuklah perkara-perkara berkaitan “Redesigning Higher Education”, “Learning & Teaching 4.0”, “Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)” dan “Smart Campus”.
12. Untuk mengukur dan memantau pencapaian UMS dalam perkara-perkara di atas, pelbagai KPI (dan sasaran masing-masing) telah ditetapkan. Pencapaian bagi sebahagian dari KPI ini, contohnya Minister’s KPI (MKPI), dilaporkan kepada pihak KPT secara berkala dan dinilai pencapaian pada bulan Disember. Pada keseluruhannya, pencapaian KPI UMS, baik di peringkat institusi, fakulti/PTJ mahupun individu, adalah pelbagai. Ada yang cemerlang (lampu hijau), ada yang baik/sederhana (lampu kuning) dan ada juga yang lemah (lampu merah). Yang jelas, perhatian yang lebih perlu diberikan kepada KPI yang pencapaiannya masih lemah.
13. UMS perlu menunjukkan peningkatan prestasi untuk setiap KPI. Sehubungan itu, sasaran (*target*) bagi tahun ini perlu ada peningkatan berbanding tahun 2017. Dengan kata lain, UMS harus “Soaring Upwards” dalam perkara ini. Sebagai contoh, pencapaian UMS dalam penarafan seperti QS Asian University Rankings, UI GreenMetric World University Rankings, QS World University



Rankings by Subject, MyRA dan SETARA sewajarnya meningkat dan lebih baik pada tahun 2018. Demikian juga dari aspek penjanaaan pendapatan, penerbitan, enrolmen pelajar antarabangsa dan pencapaian iGoT.

14. Menyentuh tentang penjanaaan pendapatan, perkara ini berkait rapat dengan KRA#5 – Mempertingkatkan Kelestarian Kewangan. Untuk memperkemas dan mempertingkatkan urusan penjanaaan pendapatan UMS, Pusat Pelaburan dan Endowmen telahpun ditubuhkan.

Pada amnya, semua PTJ diminta untuk berusaha menjana pendapatan. Pada tahun ini, sasaran jumlah penjanaaan pendapatan oleh PTJ ialah sekitar RM1 juta. Amaun ini telah dilatakan (*cascaded*) kepada semua PTJ. Walau bagaimanapun, sasaran setiap PTJ telah mengambil kira pencapaian masing-masing pada tahun 2017.

Untuk menggalakkan lagi PTJ dalam aktiviti penjanaaan, sukacita dimaklumkan bahawa pihak pengurusan dan LPU telah bersetuju untuk menaikkan kadar agihan (%) pendapatan kepada PTJ untuk sebahagian dari aktiviti berkenaan. Sebagai contoh, kadar agihan untuk penyewaan ruang telah dinaikkan dari 10 % ke 30 %.

Warga UMS dan hadirin yang dihormati dan dikasihi,

15. Salah satu inisiatif bagi Lonjakan #1 PPPM (PT) – Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang ialah pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA). Ini ialah instrumen

pentaksiran untuk mengukur pencapaian pelajar dalam 8 domain *soft skills* yang telah ditetapkan. Pelaksanaan iCGPA di UMS telah bermula pada Semester 1 Sesi 2017/2018 di dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan (FKJ) dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) yang melibatkan 2 program rintis. Sukacita dinyatakan bahawa pelaksanaan iCGPA ini akan diperluaskan di fakulti lain pada Sesi 2018/2019 dan menjelang tahun 2020, 100% program prasiswazah di UMS akan melaksanakan iCGPA.

16. Menerusi iCGPA ini para pelajar dapat mengetahui dan memantau pencapaian masing-masing dalam 8 *soft skills* tersebut sepanjang tempoh pengajian di UMS. Sebaiknya, skor untuk setiap domain menunjukkan “*upward trend*” mulai tahun pertama sehingga bergraduat. Sehubungan itu, para pelajar perlu menggunakan masa 3 – 5 tahun di UMS untuk mempertingkatkan *soft skills* masing-masing melalui aktiviti-aktiviti akademik dan bukan akademik. Hasil (*outcome*) ini tidak akan tercapai sekiranya anda mengamalkan sifat seperti “katak di bawah tempurung” semasa di UMS.
17. Dari perspektif pensyarah, adalah menjadi suatu tanggungjawab untuk memastikan hasil pembelajaran (*learning outcomes*) kursus dan program tercapai, serta pelajar bergraduat dengan iCGPA yang memuaskan atau cemerlang. Sehubungan itu, semua pensyarah perlu menambah baik kaedah penyampaian serta kaedah penilaian kursus masing-masing supaya sejajar dengan hasil pembelajarannya. Tanpa *Constructive Alignment* ini, kejayaan iCGPA akan terjejas.

18. Pada masa kini, dan lebih-lebih lagi dalam era Revolusi Industri Ke-4, para pelajar UMS boleh dikatakan adalah “*digital natives*”. Mereka adalah “*new generation of learners*” (atau generasi Z). Sehubungan itu, para pensyarah perlu berubah menjadi “*21<sup>st</sup> century lecturers*”. Kaedah penyampaian kuliah, aktiviti pembelajaran serta kaedah penilaian kursus masing-masing perlu berubah mengikut keperluan dan kehendak semasa. Isu ini juga telah ditekankan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam Amanat 2018 beliau baru-baru ini.

Warga UMS dan hadirin yang saya hormati dan kasihi,

19. Dunia sekarang berada dalam era Revolusi Industri Ke-4 atau Industri 4.0. Dalam era ini, aplikasi teknologi digital dalam semua sektor, termasuk sektor pendidikan tinggi, diberi keutamaan. Antara lain, pendigitalan ini berupaya meningkatkan produktiviti, kualiti, daya saing dan inovasi, serta mengurangkan kos. Walau bagaimanapun, ia boleh membawa kepada kehilangan pekerjaan (*job losses*), manakala cara pelaksanaan tugas tertentu akan berubah.
20. Sehubungan itu, Industri 4.0 ini memerlukan tenaga kerja (sumber manusia) yang mempunyai kemahiran teknikal (*cognitive skills*) serta kemahiran sosial (*soft skills*) yang berkenaan. Kemahiran sosial ini termasuklah *digital literacy, information literacy, problem-solving, team-working, entrepreneurship, critical thinking,*

*leadership* dan *emotional intelligence*. Kemahiran ini juga dikenali sebagai *21<sup>st</sup> Century Skills*.

21. Dari perspektif pendidikan tinggi di Malaysia, adalah penting kemahiran ini diperolehi pelajar semasa di universiti, dan perkara ini jelas dinyatakan dalam PPPM (PT) di bawah Lonjakan#1 – Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang.
22. UMS perlu menerima (*embrace*) Industri 4.0 ini agar UMS terus relevan kepada pelajar (khususnya pelajar generasi Z) dan pemegang taruh yang lain. UMS perlu menghasilkan generasi akan datang yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dengan keperluan Industri 4.0. Dengan kata lain, UMS perlu menghasilkan *future proof* graduates. Antara lain, graduan UMS perlu *happy*, *resilient* dan *emotionally intelligent*. Mereka juga perlu berkeupayaan sebagai *job creators*. Dalam masa yang sama, UMS perlu berubah dan menyesuaikan diri untuk transformasi digital.
23. Sehubungan itu, UMS tidak boleh terus kekal *business as usual*. UMS perlu melakukan **Transformasi Ke Arah Universiti/Industri 4.0**. Transformasi ini telah ditetapkan sebagai salah satu agenda penting UMS mulai tahun 2018, justeru ia disenaraikan sebagai salah satu dari KRA bagi Pelan Strategik UMS 2018-2020. Transformasi ini merangkumi tiga bidang utama iaitu pembelajaran dan pengajaran (ie **Learning & Teaching 4.0**), penyelidikan (ie **Research 4.0**) dan pentadbiran (ie **Smart Eco-UMS 4.0**).

24. **Learning & Teaching 4.0** memfokus kepada kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran, dan pembelajaran sepanjang hayat. Perancangan untuk bidang ini adalah selari dengan apa yang telah disampaikan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam Amanat 2018 beliau baru-baru ini yang memfokuskan kepada *Learning & Teaching 4.0* atau *Higher Education 4.0*.
25. Suka saya nyatakan di sini bahawa, salah satu perubahan dalam kurikulum program prasiswazah UMS ialah **SEMUA** pelajar akan **DIWAJIBKAN** untuk mengambil sekurang-kurangnya satu kursus berkaitan Industri 4.0 (contohnya, kursus **Data Analytics**). Untuk tujuan ini, UMS akan bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).
26. Untuk memastikan **Learning & Teaching 4.0** ini mencapai objektifnya, dua pusat baharu iaitu Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Kualiti Akademik (PKPKA) dan Pusat E-Pembelajaran (PEP) telah diwujudkan. Kedua-dua pusat ini adalah di bawah seliaan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Untuk meningkatkan kecemerlangan pengajaran, satu program Latihan P&P Khas untuk pensyarah akan diadakan di bawah seliaan Bahagian Sumber Manusia (BSM), Jabatan Pendaftar dengan kerjasama PKPKA.
27. Satu lagi perkara yang diberi perhatian dalam **Learning & Teaching 4.0** ialah pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*). Ini melibatkan pihak luar UMS dan juga staf UMS sendiri. Untuk terus relevan pada era Industri 4.0, staf UMS perlu *retraining/reskilling*. Lazimnya ini diadakan melalui program Individual Development Plan (IDP) (dulunya dikenali CPD) mod

konvensional. Sesuai dengan perkembangan semasa, mulai tahun ini sebahagian kursus IDP di UMS akan dikendalikan secara mod teradun (*blended mode*). Selain pendekatan *face-to-face* (F2F), Pihak BSM, Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Pusat E-Pembelajaran akan mengendalikannya secara atas talian (*online*).

28. **Research 4.0** pula memfokuskan kepada pembangunan bidang penyelidikan baharu yang relevan dengan Industri 4.0, serta mempertingkatkan kolaborasi UMS-Industri dalam penyelidikan dan inovasi. Dalam masa yang sama, UMS perlu tingkatan penyelidikan *translational*, dan untuk ini saya mengesyorkan setiap fakulti berusaha untuk menjalankan sekurang-kurangnya satu penyelidikan *translational* pada tahun ini. Perkara-perkara berkaitan Research 4.0 ini akan diselia di bawah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

Warga UMS dan hadirin yang dihormati dan dikasihi,

29. Smart Eco-UMS 4.0 memfokuskan kepada pendigitalan UMS, iaitu penggunaan teknologi digital dan kaedah-kaedah berasaskan ICT untuk meningkatkan prestasi (eg. *productivity, efficiency, etc.*) UMS, serta mempertingkatkan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran, dan juga pengurusan penyelidikan. Agenda ini menyokong penuh hasrat KPT bahawa universiti awam di Malaysia perlu berubah (*transform*) kepada kampus pintar (*smart campus*). Sepanjang tempoh tahun 2013-2017, UMS telah berusaha untuk menjadi sebuah EcoCampus. Agenda hijau ini akan terus diberi

perhatian bersama dengan agenda baharu *smart campus*. Maka, agenda pendigitalan UMS telah dijenamakan sebagai **Smart Eco-UMS 4.0**.

30. Smart Eco-UMS 4.0 mempunyai beberapa inisiatif, termasuklah *digital ID*, *digital payment*, *integrated information system*, *smart administration* dan *smart hospital* UMS. Antara pemboleh daya (*enablers*) bagi inisiatif ini ialah penyediaan infrastruktur (*connected campus*) dan juga ketersediaan peruntukan kewangan. Pihak pengurusan bertekad untuk menangani dua pemboleh daya ini agar agenda Smart Eco-UMS dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sebagai contoh usaha sedang dilakukan ke arah 100 % liputan Wifi di UMS.
  
31. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif Smart Eco-UMS 4.0 adalah secara berperingkat dan mengikut keutamaan. Sukacita saya nyatakan bahawa, atas usaha yang telah dimulakan semenjak tahun 2015, sebahagian dari inisiatif telah mula menghasikan kejayaan. Antaranya, sebahagian dari kluster bagi Sistem Maklumat Bersepadu Universiti telah beroperasi mulai bulan Mac 2018.

Dari aspek Digital Payment, UMS telah memulakan pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*) sejak tahun 2009 melalui bayaran secara kad debit dan kad kredit menggunakan terminal Mastercard/Visa, serta bayaran secara atas talian (*online*) menerusi CIMB Clicks dan Maybank2u. UMS menggunakan Financial Processing Exchange (FPX) mulai tahun 2012, serta bayaran kad kredit atas talian dan Alipay mulai tahun 2017. Yang terkini adalah penggunaan Aplikasi Maybank QRpay mulai Februari 2018. UMS

sedang memperkasakan Digital Payment ke arah transformasi kepada Kampus Tanpa Tunai (*Cashless Campus*).

32. Dari aspek Digital ID pula, penggunaan dan aplikasi QR Code telah diperluaskan kepada sistem kehadiran pelajar atau Smart-Hadir. Aplikasi ini telah diperkenalkan pada semester kedua ini untuk lima program di Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) dan Fakulti Kejuruteraan (FKJ). Pada semester 1 sesi 2018/2019 akan datang, Smart-Hadir ini akan diguna pakai oleh SEMUA program di UMS, termasuk di UMSKAL dan Fakulti Pertanian Lestari (FPL). Smart-Hadir ini juga akan diguna pakai untuk kehadiran staf UMS dalam tempoh terdekat. Sehubungan dengan ini, kesemua pelajar dan staf UMS akan mempunyai Digital ID masing-masing.
  
33. Berkaitan dengan Hospital Pengajar UMS (HUMS), saya pasti sebahagian besar warga UMS sudah mengetahui bahawa ianya akan dibangunkan sebagai Hospital Pintar (Smart Hospital) yang pertama di Malaysia dan di rantau ini. Majlis perasmian projek pembangunan HUMS ini telahpun disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Panglima Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 2 Mac 2018 yang lepas. Projek ini dijangka siap pada tahun 2021.
  
34. Salah satu cabaran UMS adalah berkaitan data yang kurang teratur, tidak lengkap, kurang tepat serta kurang integrasi. Dengan wujudnya Sistem Data Bersepadu Universiti yang baharu, kelemahan ini akan dapat ditangani dengan signifikan. Untuk memantapkan lagi pengurusan data dan maklumat di UMS, satu pusat baharu iaitu Pusat Pengurusan Data dan Maklumat (PPDM)



telah ditubuhkan. Pusat ini juga akan bertindak sebagai peneraju “**Big Data**” yang merupakan salah satu bidang yang wajar diterokai dan diungguli oleh UMS pada era Industri 4.0 ini.

35. Untuk merealisasikan transformasi digital ini (Smart Eco-UMS 4.0), UMS bekerjasama erat dengan pihak kementerian dan agensi kerajaan, dan juga pihak swasta (*solution providers*). Antara pihak yang mana UMS mempunyai perkongsian pintar (*smart partnership*) ialah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan HUAWEI.

## **NILAI TERAS**

Warga UMS dan hadirin yang dihormati dan dikasihi,

36. Dalam era Industri 4.0 ini, teknologi digital atau teknologi ICT akan menyebabkan banyak perkara/aktiviti/proses dilakukan secara pintar (*smart way*). Untuk ini, warga UMS (staf dan pelajar) sewajarnya juga berciri pintar. Namun demikian, selain pintar berfikir dan pintar melaksanakan tugas, warga UMS hendaklah menghayati dan mengamalkan 5 nilai teras (*core values*) berikut:

- ❖ **DYNAMIC**
- ❖ **SUSTAINABLE**
- ❖ **INTEGRITY**
- ❖ **JUSTICE**
- ❖ **HAPPINESS INDEX (@ Darjah Kegembiraan)**

37. Berkaitan dengan **Integriti** (dan akauntabiliti), saya telah dimaklumkan bahawa pihak Bahagian Audit Dalam sedang membangun satu sistem pemantauan dan rekod (*Smart Audit*) bagi hal ehwal berkaitan dengan audit. Ini adalah untuk memastikan semua “NCR” dapat diambil tindakan dengan lebih cepat dan efektif. Saya juga difahamkan, sistem ini dapat menunjukkan “*real-time*” prestasi setiap PTJ, maka pihak pengurusan akan tahu isu mana yang masih berbangkit dan PTJ mana yang perlu bertindak segera.

Perkara integriti ini juga perlu diberi perhatian semasa menjalankan penyelidikan di dalam dan di luar UMS. Untuk ini, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi telah mengeluarkan garis panduan yang berkaitan untuk rujukan dan perhatian semua. Kita perlu memastikan bahawa setiap penyelidikan yang dilakukan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

38. Berkaitan dengan darjah kegembiraan atau **Indeks Kegembiraan** (HI), staf UMS sewajarnya gembira berkhidmat di UMS. Demikian juga pelajar UMS sewajarnya gembira semasa melanjutkan pengajian di UMS. Kaji selidik HI untuk staf dan pelajar UMS sedang berjalan sekarang. Kaji selidik ini akan memberi maklumat semasa tahap kegembiraan staf dan pelajar. Dalam masa yang sama, ia dapat mengetahui aspek mana para staf dan pelajar UMS adalah kurang atau tidak gembira. Selanjutnya, pihak pengurusan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki keadaan. Suka saya berkongsi di sini bahawa dapatan awal kajian ini

menunjukkan Indeks Kegembiraan bagi staf ialah **0.75** atau 73 % (sederhana) manakala pelajar ialah **0.85** atau 85 % (baik).

39. Bersesuaian dengan hasrat UMS untuk menjadi Smart Eco-UMS 4.0, sukacita saya umumkan bahawa pihak pengurusan dan LPU UMS telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif *Bring Your Own Device* (BYOD). Untuk permulaan, ia melibatkan staf sahaja. BYOD ini, antara lain dijangka dapat menyumbang langkah positif kepada indeks kegembiraan staf. Perincian tentang inisiatif ini akan dikeluarkan oleh pihak Bendahari dalam masa terdekat.
40. Perkara HI ini adalah juga sebahagian dari atribut *future proof graduate* dari UMS. Sehubungan itu, UMS akan memberi perhatian serius untuk memastikan pelajar UMS gembira semasa di UMS. Justeru, telah diwujudkan KRA baharu dalam Pelan Strategik UMS 2018-2020 iaitu **KRA#8 – Mempertingkatkan Pengalaman Holistik Pelajar**, dan diselia di bawah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni).
41. Selain dari saluran digital (seperti email, Whatsapp, kaji selidik, dll), satu lagi saluran tambahan untuk staf dan pelajar berinteraksi secara langsung dengan pihak pengurusan UMS ialah melalui **Sesi Town Hall**. Sesi ini mula diperkenalkan tahun ini, dan masing-masing satu sesi telah diadakan di kampus Induk, Labuan dan Sandakan. Saya telah dimaklumkan bahawa sesi Town Hall peringkat HEP juga sudah dimulakan. Saya mengesyorkan perkara ini juga diadakan di peringkat PTJ.

## **PENUTUP**

Warga UMS dan hadirin yang dihormati dan dikasihi,

42. Tanggungjawab mengemudi UMS untuk terus maju ke hadapan sememangnya berat dan banyak cabaran, apatah lagi di era Industri 4.0 ini. Sudah pasti kita semua ingin melihat prestasi UMS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terus meningkat. Saya selaku Naib Canselor memerlukan sokongan, komitmen dan sumbangan tertinggi dari semua warga UMS, baik pelajar, staf sokongan, staf pengurusan, staf akademik, pengurusan tertinggi mahupun Lembaga Pengarah Universiti dalam perkara ini.

**MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMACU KECEMERLANGAN  
UMS**

Insya-Allah dengan komitmen semua pihak, UMS akan terus *Soaring Upwards* di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.